

Pelbagai aktiviti masjid tarik perhatian belia

Ada lebih kurang 6,000 masjid di seluruh negara yang dilengkapi pelbagai peralatan dan kelengkapan seperti sejadah, al-Quran, pendingin hawa, kipas angin dan lampu yang memberi keselesaan kepada jemaah.

Namun apa yang menyedihkan, walaupun ada kemudahan sedemikian, hanya segelintir ahli kariah yang datang untuk beribadah sama ada untuk solat berjemaah, belajar al-Quran, mengikuti kelas farduan, ceramah agama dan sebagainya.

Masjid kurang jemaah pada hari biasa


Kebiasaannya, jika kita lihat ruangan masjid hanya dipenuhi ketika solat Jumaat, Tarawih, Aidilfitri dan Aidiladha. Mengapakah sukar untuk kita lihat masjid dipenuhi oleh jemaah pada hari biasa?

Masyarakat Islam hari ini seharusnya menjadi aktif dalam mengimarahkan Baitullah iaitu masjid. Imarsh di sini berarti memeriahkan suasana masjid dengan membuat pelbagai pengisian program atau aktiviti bermanfaat yang dapat mendekatkan diri kita kepada Allah.

Tarik generasi muda ke masjid

Pentadbiran masjid juga hendaklah dipertingkatkan lagi supaya dapat menarik lebih ramai masyarakat Islam untuk ke masjid. Pihak jawatankuasa masjid perlu bersedia untuk melakukan anjakan paradigma untuk memperkenalkan masjid kepada orang ramai. Laman sosial dan portal boleh digunakan bagi memperkenalkan masjid kepada golongan muda di sesuatu kariah.

Masjid bukan sahaja ber-



Banyak aktiviti boleh diadakan untuk **mengimarahkan masjid.**

[GAMBAR HIASAN]

fungsi sebagai tempat untuk beribadah dan menuntut ilmu, bahkan masjid juga boleh dijadikan sebuah pusat pelancongan yang menjadi tarikan masyarakat Islam lain. Pihak jawatankuasa masjid boleh menyediakan bilik khas untuk aktiviti berkaitan keagamaan, ruang untuk kafe siber, perpustakaan dan bilik bacaan.

Pihak jawatankuasa masjid juga boleh mengadakan aktiviti luar bersama belia dan masyarakat Islam bagi mengeratkan ukhuwah dan mengeratkan silaturahim sesama mereka. Aktiviti riadah, kem motivasi dan kesedaran akan

dapat menarik minat golongan belia terutama untuk mendekatkan diri dengan masjid.

Sebar risalah bermanfaat

Selain itu, menyebarkan risalah yang bermanfaat berunsurkan dakwah, motivasi, nasihat dan sebagainya juga inisiatif yang boleh dilaksanakan oleh pihak jawatankuasa masjid dalam usaha menggalakkan lebih ramai masyarakat Islam bersama-sama mengimarahkan suasana masjid.

Siti NorSyahida Muhamad

Universiti Sains Islam Malaysia